

1,800 kes rogol dilaporkan

KOTA BAHARU - Secara purata setiap tahun sejak lima tahun kebelakangan ini, sebanyak 1,800 kes rogol dilaporkan di negara ini dengan 90 peratus daripadanya membabitkan golongan Melayu.

Penganalisis jenayah kebangsaan, Kamal Affandi Hashim berkata, meskipun 90 peratus daripadanya golongan Melayu, ia tidak harus dipandang negatif kerana ia menunjukkan sikap keterbukaan golongan itu berani melaporkan kes rogol terhadap diri mereka.

"Ada yang memandang negatif apabila kes rogol yang membabitkan golongan Melayu mencatatkan peratusan paling tinggi.

"Sedangkan masyarakat perlu mengetahui bahawa jumlah peratusan yang tinggi itu adalah kerana keberanian golongan Melayu yang bersedia melaporkan sebarang kes rogol yang berlaku tidak kira membabitkan ahli keluarga atau diri sendiri yang secara tidak langsung menyebabkan kebanyakan kes rogol yang dicatatkan adalah membabitkan golongan itu," katanya selepas Program Bengkel Keselamatan Diri di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan (Putik) di sini, semalam.

Sambil menyifatkan peratusan yang tinggi itu bukan kerana kaum itu saja yang terdedah kepada kes rogol, Kamal Affandi berkata, kaum Melayu kini semakin terdidik berikutan menerima pelbagai program kesedaran dan motivasi pentingnya menjaga kehormatan diri. - Bernama